

Dokumentasikan tradisi nelayan Bajau sebagai bukti Sparty milik Malaysia

• China, Vietnam turut gunakan pengalaman nelayan tradisi mereka sebagai bukti penghujahan tuntutan wilayah terbabit

BH 17/10/2022 Ms: 12

• Etnik Bajau lebih mengenali wilayah dipertikai itu sebagai Bandora untuk mengumpul siput dan memenuhi keperluan pembuatan ikan masin

Oleh Dr Eko Prayitno Joko, Prof Madya Dr Ramli Dollah dan Dr Nordin Sakke
bhrencana@bh.com.my

Pengabaian sumber lisan berbanding dokumen hingga tidak dianggap sebagai pengekalan ‘memori sejarah’ yang boleh menjadi penentu ‘kebenaran sejarah’ memberikan kerugian kepada negara.

Kerugian ini bukan semata-mata bersifat usaha mendokumentasikan memori kolektif dan pengalaman hidup, bahkan sebagai bukti menentukan kedaulatan negara terhadap sesuatu wilayah.

Dalam konteks historiografi Malaysia, kita cenderung berpegang kepada falsafah ‘no document, no history’ hingga banyak pengalaman peribadi bersifat kebangsaan hilang bersama golongan tua, sekali gus mempengaruhi kurangnya ‘suara masyarakat biasa’ dalam historiografi kebangsaan.

Kerugian ini amat dirasai apabila ‘menghilangkan tanpa sengaja’ memori kolektif turut membabitkan isu berkait kedaulatan negara.

Ia bersifat realiti berdasarkan kajian dilakukan terhadap isu pertikaian di kepulauan Spratly di Laut China Selatan atau dikenali Gugusan Semarang Peninjau (GSP).

Ternyata hingga kini, bukti sejarah dalam bentuk dokumen tersimpan di gedung arkib masih jauh daripada mencukupi untuk menjadi sandaran bahawa wilayah GSP adalah milik Malaysia.

Sungguhpun ia disedari, tiada tindakan alternatif diambil untuk mendokumentasikan ‘pengalaman kolektif’ nelayan tradisi masyarakat pesisir Sabah, terutama komuniti etnik Bajau yang menjadikan kawasan ini sebagai punca sumber makanan dan perekonomian sejak berabad lamanya.

Tak perlu bergantung sejarah penjajah

Hakikatnya, Malaysia boleh menggunakan sejarah lokal sendiri tanpa perlu bergantung kepada sejarah penjajah, terutama British dalam mempertahankan tuntutannya di GPS.

Sememangnya diakui tuntutan Malaysia ke atas GPS adalah berdasarkan undang-undang antarabangsa (pentas benua) dan tidak memasukkan faktor sejarah sebagai asas tuntutan.

Sungguhpun terdapat pandangan menganggap tindakan itu sebagai ‘langkah terbaik’ memandangkan memori sejarah dimiliki penuntut lain, terutama China, adalah lebih kuat berbanding Malaysia, hal itu sebenarnya perlu difikirkan semula.

Ia lebih banyak dipengaruhi ketidakpercayaan mereka bahawa rakyat dari negara ini pernah sampai ke wilayah itu yang jaraknya kira-kira 320 kilometer dari daratan Sabah.

Sudut pandang ini bukan sahaja terpesong daripada kenyataan sebenar, bahkan berpotensi menghilangkan secara terus memori kolektif nelayan tradisi masyarakat Bajau.

Oleh itu, pendokumentasian memori kolektif nelayan tradisional masyarakat Bajau perlu digerakkan agar maklumat bersifat kebangsaan dapat dilestarikan bagi mengimbangi tuntutan sejarah diusulkan negara lain.

Dalam kata lain, tuntutan Malaysia seharusnya tidak difokuskan aspek perundungan semata-mata, bahkan disandarkan faktor sejarah ditandai interaksi masyarakat pesisir Sabah dengan wilayah ini sebelum terbentuknya Malaysia.

Justeru, tindakan Malaysia tidak memasukkan faktor sejarah sebagai antara asas tuntutan adalah langkah ‘bergerak ke belakang’ kerana memori kolektif nelayan tradisi masyarakat Bajau sangat membantu dalam memperkuuhkan asas tuntutan terbabit.

Adalah tidak berlebihan untuk menyatakan memori kolektif nelayan tradisi masyarakat Bajau yang pernah sampai ke Sparty atau GSP yang lebih mereka kenali sebagai wilayah Bandora yang bermaksud ‘wilayah takat’ menjadi bukti sejarah perlu dihargai negara.

Pengalaman bersifat kebangsaan ini sekiranya tidak didokumentasikan dengan segera berpotensi untuk hilang kerana ‘dokumen sejarah akan terus kekal, tetapi nelayan tradisi sebagai pelaku sejarah tidak akan pernah kekal’.

Dalam konteks ini, rakyat perlu belajar daripada masyarakat Afrika yang sangat menghargai memori kolektif golongan tua hingga menganggap ‘kalau ada seorang tua meninggal dunia, maka sebuah perpustakaan sudah hilang’.

Memori kolektif bukan khabar angin

Tambahan pula, memori kolektif dimiliki nelayan tradisi masyarakat Bajau bukanlah khabar angin atau andaian, tetapi kenyataan sebenar dialami mereka.

Justeru, kedudukan sumber ini setaraf dengan sumber dokumen dalam pembuktian sejarah pemilikan wilayah GPS.

“**Peranan nelayan tradisi masyarakat Bajau di GPS pasti membuka sejuta lembaran baharu dalam pengungkapan hak pemilikan Malaysia ke atas wilayah berkenaan**”

Ini terbukti apabila China dan Vietnam menggunakan pengalaman nelayan tradisi mereka sebagai bukti penghujahan dalam isu tuntutan wilayah berkenaan.

Malah, dokumentasi mengenainya semakin diperbanyak dan diindoktrinasikan dalam kalangan masyarakat melalui penerbitan buku yang boleh ditemui di seluruh dunia, termasuk di negara ini.

Tindakan sebegini seharusnya dicontohi Malaysia memandangkan ia juga mempunyai pengalaman sejarah sama dengan negara lain, sekali gus dapat dijadikan naratif baharu dalam memahami isu tuntutan.

Membahaskan peranan nelayan tradisi masyarakat Bajau di GPS pasti membuka sejuta lembaran baharu dalam pengungkapan hak pemilikan Malaysia ke atas wilayah berkenaan.

Memori kolektif didokumentasikan bukan sahaja dapat memetakan sejarah kehadiran kita di wilayah ini, bahkan mampu merekonstruksi pemaknaan wilayah terbabit bersandarkan perspektif lokal.

Kemampuan sebegini hadir memandangkan nelayan tradisional ini sudah bergenerasi mengunjungi kawasan ini yang dipenuhi dengan ‘takat’ kerana menganggap ‘laut sebagai penghubung, bukannya pemisah’.

Dalam kata lain, kehadiran ‘takat’ yang banyak mempengaruhi nelayan tradisi masyarakat Bajau untuk bergerak ke wilayah ini, meskipun jauh dari daratan.

Keadaan ini disebabkan, hanya di Bandora mereka dapat mengumpulkan siput Lola (*Trochus Niloticus*) dengan banyak bagi industri pembuatan butang baju di China serta memenuhi keperluan industri ikan masin di Sabah (Borneo) dan Labuan.

Berbekalkan perkara ini, ia membolehkan nelayan tradisional menjelajah, menguasai dan mendokumentasikannya melalui ingatan segala perincian fizikal berkaitan bentuk muka bumi setiap pulau serta terumbu yang wujud serta mengenal pasti kekayaan hidupan laut di bawahnya.

Adalah tidak menghairankan apabila mereka mempunyai makna tersendiri mengenai wilayah sedang bergolak ini, sekali gus tidak terikat kepada pemaknaan sedia ada.

Perkara sama ditemukan dalam pemaknaan beberapa pulau di wilayah ini seperti menggelar Sampangan berbanding Pulau Peninjau; Bahot (Pulau Dallas) dan Layang-Layang (Pulau Layang-Layang).

Pemaknaan lokal sebegini sepatutnya diangkat, didokumentasikan dan disebarluaskan sebagai wacana tandingan kepada pemaknaan sedia ada agar membantu Malaysia dalam memperakarkan hak pemilikan dan kedaulatannya di Bandora.

Jika ini tidak dilakukan, pastinya kita akan sentiasa terikat dengan ‘pemetaan sejarah’ dari ‘pemaknaan negara penuntut lain’ yang berkemungkinan besar juga dihasilkan bersandarkan memori sejarah pelayar dan nelayan tradisional mereka.

